

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan projek tebatan banjir '*river of life*' dan mengapa Kuala Lumpur masih mudah dilanda banjir kilat walaupun pelbagai usaha penebatan banjir telah dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Projek *River of Life* (RoL) bukanlah bertujuan sebagai Projek Tebatan Banjir. Sebaliknya, projek ini merupakan pelengkap kepada pembangunan Kuala Lumpur di mana sasaran utama Projek RoL adalah menjadikan 10.7km jajaran Sungai Klang dan Sungai Gombak sebagai ikon *waterfront* yang dinamik dengan nilai ekonomi tinggi serta meningkatkan kualiti air sungai sedia ada.

Namun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan serius isu banjir di Kuala Lumpur di mana senantiasanya berkerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Sekian, terima kasih.